

Dua warga asing ditemukan maut

Mayat lelaki tergantung manakala mayat wanita terbaring dalam rumah

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

BANTING

Dua mayat dipercayai warga asing ditemukan dalam sebuah rumah di Jalan Kampung Tali Ai di sini petang kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman berkata, polis menerima maklumat kejadian tersebut daripada orang awam yang membuat panggilan kira-kira jam 5.20 petang.

Menurutnya, sepasukan polis yang tiba di lokasi mendapati satu



Dua mayat dipercayai warga asing ditemukan di sebuah rumah di Kampung Tali Air, Banting kelmarin.

mayat lelaki dalam keadaan tergantung manakala satu lagi mayat wanita terbaring di atas tilam dalam keadaan berlumuran darah.

“Pemeriksaan terhadap kedua-dua mayat mangsa tidak menjumpai sebarang dokumen

pengenal diri selain tiada kesan suntikan BCG pada lengan dan dipercayai adalah warga asing.

“Maklumat awal kita mendapati mangsa wanita dipercayai warga Indonesia manakala mangsa lelaki warga India atau Bangladeshi,” katanya kepada *Sinar*



Sebatang besi dengan kesan darah ditemukan berhampiran mayat wanita kelmarin.

Harian semalam.

Azizan berkata, pemeriksaan forensik terhadap mangsa wanita mendapati terdapat kesan luka hentakan di dahi dan pipi dipercayai dipukul dengan batang besi berdasarkan penemuan sebatang besi sepanjang kira-kira satu me-

ter dengan kesan darah berhampiran selain kesan jerutan di lehernya.

Katanya, kedua-dua mayat telah dihantar ke Hospital Banting untuk bedah siasat bagi mengenal pasti punca kematian.

“Siasatan masih dijalankan bagi mengenal pasti motif kejadian termasuk mengesan saksi serta mana-mana individu yang mengenali kedua-dua mangsa ini. Selain itu, pemeriksaan di sekitar rumah mendapati tiada kesan pecah malah pintu juga dikunci dari bahagian dalam.

“Kita juga masih menyiasat kaitan kedua-dua mangsa bersua lingkungan 40-an itu. Maklumat awal diterima mengesahkan mangsa lelaki terbabit telah menyewa rumah berkenaan sejak kira-kira sebulan lalu,” katanya.

Menurutnya, kes ini diklasifikasikan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan kerana membunuh.